

15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
KAWASAN : PENDANG
TARIKH : 7 MAC 2018
NO. SOALAN : 13 - PR-1361-L04280

SOALAN

Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pandang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah eksport Malaysia ke Negara China dalam tahun 2017 dan barangan eksport utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Republik Rakyat China (RRC) merupakan rakan dagang terbesar Malaysia bagi 9 tahun berturut-turut sejak 2009. Pada tahun 2017, perdagangan Malaysia dengan RRC bernilai RM290.65 bilion, yang telah mencatat pertumbuhan sebanyak 20.6%.

2. Jumlah eksport ke RRC pada tahun 2017 meningkat sebanyak 28.0% kepada RM126.15 bilion. Kenaikan eksport dicatatkan bagi barangan elektrik dan elektronik (E&E), barangan keluaran petroleum, barangan keluaran getah, gas asli cecair (LNG), kimia dan bahan kimia, barangan optik dan saintifik, barangan perkilangan logam serta getah asli. RRC kekal sebagai destinasi eksport kedua terbesar yang merangkumi 13.5% daripada jumlah eksport pada 2017.

3. Komposisi utama barangan eksport ke RRC pada tahun 2017 adalah terdiri daripada:

- (i) barangan E&E (RM50.39 bilion; 39.9%);
- (ii) kimia dan bahan kimia (RM14.45 bilion; 11.5%);
- (iii) barangan keluaran petroleum (RM13.31 bilion; 10.6%);
- (iv) barangan keluaran getah (RM5.82 bilion; 4.6%); dan
- (v) gas asli cecair (RM5.80 bilion; 4.6%).

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di bawah Projek Perintis Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri bersama Jack Ma pada 3 November 2018, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk merealisasikan agenda dalam

17

meningkatkan penyertaan PKS dalam transaksi eDagang rentas sempadan yang turut merangkumi eksport PKS ke pasaran Negara RRC.

5. Sejak Projek Perintis ini dilaksanakan, lebih 2,000 PKS tempatan telah pun berdaftar untuk mengeksport produk mereka ke Negara RRC menerusi platform Alibaba.com. Sebagai contoh, syarikat Yan Ming Resources Sdn. Bhd. bagi produk sarang burung walit dan Green World Recycling Sdn. Bhd. serta Takaso Rubber Products Sdn. Bhd. bagi produk berasaskan getah.

6. MITI dan agensi-agensi di bawahnya seperti MATRADE dan SME Corp. Malaysia berserta Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) akan terus memantau prestasi eksport PKS yang menyertai program ini bagi memastikan PKS tempatan terus kompetitif dan berdaya maju. Usaha akan dipergiatkan lagi bagi melibatkan lebih ramai PKS untuk menembusi pasaran eksport melalui inisiatif DFTZ.

Sekian, terima kasih.